

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTRI
BRUNEI DARUSSALAM**

JKN/BPEA/SH/A/2025-2026(7)

SEBUTHARGA:

**KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN PENAIKTARAFAN TANDAS
DI BANGUNAN MAHKAMAH BESAR BRUNEI DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH,
BANDAR SERI BEGAWAN.**

PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH KESEMUA PEMBORONG/SYARIKAT YANG IKUT SERTA:

- A. Kadar harga adalah termasuk membekalkan semua tenaga buruh yang mencukupi dan berkebolehan/berkepakaran, peralatan yang bersesuaian/berkaitan dan apa jua jenis/kaedah pengangkutan yang diperlukan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang sebutkan di bawah.
- B. Syarikat adalah dikehendaki secara mandatori untuk menghadiri sesi penerangan yang akan diadakan pada 2 Julai 2025 jam 9 pagi di lobi zon A, Mahkamah Syariah (sebarang perubahan jika ada akan dimaklumkan melalui lama sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Negara).
- C. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki menyediakan polisi insuran atas pekerja-pekerja/buruh yang diaturkan serta dikehendaki mematuhi piawaian yang telah di tetapkan oleh S.H.E.N.A (Safety, Health and Environment National Authority) dan agensi-agensi teknikal Kerajaan yang berkaitan.
- D. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah juga dihendaki membaik pulih keatas prasarana bangunan yang terganggu/mengalami kerosakan semasa pelaksanaan projek dan dikehendaki menjaga kebersihan tapak projek dengan memastikan kesemua sepihan/kekotoran/sisa-sisa/tumpahan dibersihkan dengan kaedah sewajarnya dan membuangnya ke tempat pembuangan sampah milik syarikat atau mana-mana tempat pembuangan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
- E. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki membekalkan waranti bahan yang telah dipasang/dibekalkan (jika berkaitan).
- F. Kegagalan syarikat/pemborong yang terpilih menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan denda yang berpatutan atau tegahan dari mengikuti sebarang sebutharga mahupun tawaran Kerajaan.
- G. Peraturan sebutharga ini adalah dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan mana-mana pertaturan yang berkaitan.

BIL	Keterangan	KUANTITI	UNIT	KADAR	JUMLAH
1	<u>SKOP KERJA PENAIKTARAFAN TANDAS AWAM LELAKI DAN PEREMPUAN, LOBI TINGKAT 2.</u> i. Kerja-kerja memecahkan (<i>hacking</i>) keseluruhan jubin lantai dan dinding yang mana dianggarkan berukuran 2700mm panjang x 1400mm lebar dan dinding dianggarkan berukuran 1400mm lebar x 2700mm panjang x 2700mm tinggi. Kadar termasuk kerja-kerja meratakan, <i>putty</i> serta membersihkan (<i>priming</i>) permukaan lantai dan dinding. ii. Kerja-kerja pemasangan <i>waterproofing primer</i> di keseluruhan permukaan lantai dan dinding bagi memudahkan untuk seterusnya kerja-kerja pemasangan <i>waterproofing membrane</i>. iii. Kerja-kerja pemasangan jubin lantai dan dinding tandas yang khas seperti <i>Porcelain</i> atau <i>Ceramic</i> atau sebandingnya. Kadar termasuk kerja-kerja pemotongan, menyelaraskan serta apa jua yang berkaitan dengan kerja-kerja pemasangan jubin. (<i>syarikat perlu memberi katalog Jubin untuk proses pemilihan</i>) iv. Kerja-kerja penggantian dan pemasangan aksesori tandas baru seperti mangkuk tandas, <i>hose bidet</i> dengan pengantungan, set sinki, <i>bottletrap</i>, pintu (dengan aksesori) dan cermin. Mengikut spesifikasi yang diarahkan oleh Penyelaras Projek.	2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
	B/H JUMLAH				\$

		B/H JUMLAH			\$
2	<u>SKOP KERJA PENAIKTARAFAN TANDAS KAKITANGAN LELAKI DAN PEREMPUAN TINGKAT 3</u> i. Kerja-kerja memecahkan (<i>hacking</i>) keseluruhan jubin lantai dan dinding yang mana dianggarkan berukuran 3750mm panjang x 2900mm lebar dan dinding dianggarkan berukuran 3750mm panjang x 2900mm lebar x 2800mm tinggi. Kadar termasuk kerja-kerja meratakan serta membersihkan (<i>priming</i>) permukaan lantai dan dinding bagi penyediaan kerja seterusnya. ii. Kerja-kerja pemasangan <i>waterproofing primer</i> di keseluruhan permukaan lantai dan dinding bagi memudahkan untuk seterusnya kerja-kerja pemasangan <i>waterproofing membrane</i>. iii. Kerja-kerja pemasangan jubin lantai, dinding dan kaunter sinki tandas yang khas seperti <i>Porcelain</i> atau <i>Ceramic</i> atau sebandingnya. Kadar termasuk kerja-kerja pemotongan, menyelaraskan serta apa jua yang berkaitan dengan kerja-kerja pemasangan jubin. (syarikat perlu memberi katalog Jubin untuk proses pemilihan) iv. Kerja-kerja penggantian dan pemasangan aksesori tandas baru seperti mangkuk tandas, <i>hose bidet</i> dengan pengantungan, <i>bottletrap</i> dan pintu (dengan aksesori). Mengikut spesifikasi yang diarahkan oleh Penyelaras Projek. v. Kerja-kerja pemeliharaan paip dan penggantian siling tandas yang rosak. Kadar termasuk kerja-kerja pemasangan, pengubahsuaian serta apa jua yang berkaitan dengannya seperti mana arahan dari Penyelaras Projek.	2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
		2	LOT	\$	\$
		1	LOT	\$	\$
		B/H JUMLAH			\$

	B/H JUMLAH			\$
3	<u>SKOP KERJA PEMELIHARAAN TANDAS ARAS BAWAH</u> Kerja-kerja penggantian dan pemasangan serta menguat kukuhkan penyambungan <i>discharge pipe connector</i> dariapada sinki ke saluran pembuangan (<i>mainhole</i>). Kadar termasuk kerja-kerja yang berkaitan dengannya. <i>(syarikat terlebih dahulu perlu membuat sukatan lebih lanjut)</i>	1	LOT	\$
4	<u>SKOP KERJA PEMELIHARAAN TANDAS KAMAR HAKIM TINGKAT 4</u> Kerja-kerja pemecahan (hacking), penggantian dan pemasangan jubin dinding yang rosak yang mana dianggarkan berukuran 1500mm lebar x 2700mm tinggi. Kadar termasuk kerja-kerja pemetongan, menyelaraskan serta apa jua yang berkaitan dengan kerja-kerja pemasangan jubin. <i>(syarikat perlu memberi katalog Jubin untuk proses pemilihan)</i>	1	LOT	\$
JUMLAH KESELURUHAN				\$
Sebutharga ini hendaklah diadapkan sebelum hari Selasa 8 Julai 2025 tidak lewat jam 2:00 petang di peti sebutharga, Pintu D, Jabatan Kehakiman Negara.				
Tempoh untuk menyelesaikan projek tersebut adalah 30 hari dari tarikh menerima surat lantikan atau pesanan pembelian dari Jabatan.				
NAMA:				COP SYARIKAT
TANDATANGAN:				
NAMA SYARIKAT:				